


# PH DAN KEBEBASAN MEDIA

Pakatan Harapan (PH) sudah memenangi PRU ke-14. Sekarang, masa untuk rakyat memantau dan melihat pelaksanaan manifesto PH. Selain daripada melihat janji 100 hari mereka, perkara yang lebih penting termasuklah memerhati sejauh mana PH terlibat dalam agenda kebebasan media. Perlu diingatkan bahawa, tanpa pengaruh media terutamanya media sosial seperti Facebook, Twitter dan sebagainya, PH mungkin tidak berada di “singgahsana” pada masa ini.

Rakyat, khususnya individu yang terlibat dalam media, berharap agar kerajaan baharu ini mengotakan janjinya untuk memberikan ruang kebebasan media. Dengan media yang bebas, fikiran rakyat juga akan bebas daripada kejumudan. Wacana, debat dan hujah akan menjadi lebih meriah jika janji kebebasan media ini benar-benar ditepati. Sikap intelektual dan keberanian juga akan wujud dalam kalangan masyarakat jika keadaan ini berlaku.

Tidak dinafikan bahawa ada juga anasir-anasir tertentu yang cuba menyatakan pandangan jika media diberikan kebebasan sepenuhnya, maka akan berlaku kekecohan dan boleh menimbulkan kekacauan dalam perkara tertentu. Pandangan tersebut sudah tentu tidak masuk akal kerana sesuatu perkara tertentu yang ditimbulkan dalam media tertentu akan mewujudkan pelbagai reaksi dan tanggapan balas. Segala pendapat dan pandangan tersebut harus diraikan dan wajar didebatkan jika ada pihak yang tidak bersetuju.

Selain itu, media juga harus bertanggungjawab terhadap kebebasannya. Kebebasan bukanlah bererti “kebebasan” yang sepenuhnya jika tidak disusuli dengan sebuah tanggungjawab. Jika sesebuah media melaporkan sesuatu perkara yang bertentangan dengan norma-norma tertentu, maka media itu perlu bertanggungjawab dengan memberikan penjelasan dan alasan terhadap laporan tersebut. Hukuman bukanlah jalan yang terbaik untuk menghalang kebebasan media. Kebebasan media bermakna fikiran dan minda rakyat turut bebas!<sup>TM</sup>



Syahdu, terkesima dan sebak. Itulah gejolak rasa yang dialami oleh sebahagian besar rakyat tatkala menyaksikan upacara angkat sumpah penuh bersejarah oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad di kaca televisyen sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-7 buat kali kedua selepas 15 tahun meninggalkan lapangan politik dan pentadbiran negara.

Beliau memecahkan rekod sebagai perdana menteri tertua di dunia pada usia 92 tahun. Tidak ada sesiapa pun yang menyangka bahawa beliau kembali sekali lagi menerjah dunia politik sekali gus mengambil alih tampuk kekuasaan di Putrajaya selepas bersara pada 31 Oktober 2003.

Ketika buat pertama kalinya, Pakatan Harapan (PH) mengumumkan beliau sebagai calon perdana menteri ketujuh, hakikat tersebut sukar dihadamkan oleh sesetengah pihak. Ada pihak yang tersenyum sinis dan memberikan reaksi negatif selepas mendengar pengumuman itu dengan mengatakan apalah kudrat yang mampu dilakukan oleh seorang individu yang bakal berusia 93 tahun pada Julai 2018 kelak?

Namun demikian, persoalan tersebut kini terjawab sudah. Dr. Mahathir bukan calang-calang individu. Dengan bantuan dan sentuhan magis beliau, penguasaan BN yang dikuasai oleh UMNO selama enam dekad akhirnya lebur dan mereka harus belajar untuk menjadi pembangkang yang kuat pula selepas pembukaan sidang Parlimen baharu kelak. Beliau boleh dikatakan antara pencatur politik negara. Beliau sudah melalui pelbagai sepak terajang dan jatuh bangun dalam politik dan pentadbiran negara. Selepas mengalahkan Tengku Razaleigh Hamzah dalam pemilihan UMNO sebagai presiden pada tahun 1987 sehinggalah beliau bersara pada tahun 2003, Dr. Mahathir membuktikan rekod sebagai orang yang tidak pernah goyah termasuklah semasa menangani krisis politik pada tahun 1998.

Kembali pula Dr. Mahathir ke dunia politik tanah air bersama-sama penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sudah pasti didorong oleh semangat untuk menyelamatkan negara yang sudah dilanda krisis yang teruk. Tentunya tidak adil untuk mengatakan hanya beliau yang bertungkus-lumus untuk menyelamatkan negara kerana majoriti rakyat di negara ini sadar bahawa banyak tokoh dan aktivis seperti Datuk Seri Dr. Wan Azizah (Kak Wan), Mat Sabu, Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Gobind Singh Deo, Azmin Ali, Dr. Syed Husin Ali, Hishamuddin Rais serta kartunis Zunar (sekadar menyebut beberapa nama) turut berjuang habis-habisan untuk mendapat kepercayaan rakyat.

Gelombang kebangkitan rakyat sebenarnya sudah digerakkan sejak tahun 1998 dan berlaku secara berterusan sejak PRU-12 yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) semakin mengalami zaman kejatuhan akibat kehilangan beberapa buah negeri dan kerusi Parlimen. Rakyat dikatakan terhipnotis dengan pelbagai isu terutama kos sara hidup yang melampau khususnya di ibu kota, selain beberapa isu panas yang didakwa gagal ditangani dengan sebaik mungkin oleh kerajaan BN sebelum ini.

Benar gelombang rakyat telah digerakkan sejak era Dr. Mahathir selepas peristiwa yang berlaku ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim. Namun pada PRU-11 BN mencatatkan kemenangan yang jauh lebih besar selepas Tun Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) mengambil alih tampuk kepimpinan daripada Dr. Mahathir. Selepas pembebasan Anwar buat pertama kalinya pada September 2004, gelombang rakyat tercetus kembali apabila mulai tahun 2008 kerajaan BN pimpinan Pak Lah mula dilanda gelora. Selepas Pak Lah menyerahkan kuasa kepada Datuk Sri Najib situasi tersebut dijangka pulih, namun malangnya populariti BN semakin merudum dengan kehilangan sebanyak tujuh kerusi Parlimen pada PRU-13 dan dominasi BN berakhir pada PRU kali ini apabila hanya mampu mempertahankan 79 kerusi Parlimen.

Kini, cabaran yang perlu dihadapi oleh Dr. Mahathir juga bukan mudah. Walaupun beliau berpengalaman luas dalam politik sejak era Tunku Abdul Rahman dan sebagai PM paling lama memegang jawatan, iaitu selama 22 tahun, namun situasi ini sudah jauh berlainan apabila rakyat semakin kritikal dan berani dalam soal memberikan pendapat masing-masing. Dr. Mahathir kembali berkuasa pada era media sosial yang menunjukkan rakyat dapat memerhati dengan lebih dekat cara pentadbiran yang bakal beliau corakkan.

Walaupun PH sudah mencipta sejarah sebagai gabungan parti yang berjaya membenamkan BN pada siri PRU kali ini, mereka juga perlu sedar akan beban yang perlu digalas. PH telah membuat pelbagai janji. Maka, janji itu perlu dikotakan seberapa segera yang boleh. Rakyat yang sudah memberikan mandat kepada PH ini sedang menunggu untuk melihat janji 100 hari pentadbiran PH. Hal itu sewajarnya ditepati tanpa sebarang alasan jika PH mahu kekal popular pada mata rakyat. Rakyat sudah memberikan kontrak baharu. Kini, rakyat ingin menikmati hasilnya pula.

Pada masa ini, rakyat sedang menghitung hari untuk menikmati pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP), menghapuskan tol dan PTPN secara berperingkat, kestabilan harga minyak, pendidikan percuma di universiti awam, menyediakan sejuta peluang pekerjaan baharu, mengurangkan dua juta pekerja asing dan pelbagai janji lagi. Dengan kata lain, PH perlu melaksanakan janji-janji yang besar terlebih dahulu dan tidak boleh banyak mengelirakan kesilapan. Hal itu hanya membuka ruang PH untuk dikritik oleh pihak lawan dan majoriti rakyat yang mengundi PH.

Dalam kesempatan ini, ucapan setinggi-tinggi tahniah juga ditujukan khas buat Kak Wan yang sudah diangkat sebagai timbalan perdana menteri wanita pertama. Hal ini merupakan satu penghormatan besar buat wanita di seluruh negara. Sememangnya Kak Wan layak untuk duduk di kerusi nombor dua tersebut. Seluruh rakyat tahu keperitan yang dilalui oleh beliau selama 20 tahun. Pengalaman tersebut sudah tentu memantapkan beliau dan perlu digunakan sebaik-baiknya dalam urusan pentadbiran negara. Beliau membuktikan segala-galanya tidak mustahil untuk dicapai. Maka, wanita di negara ini perlu sama-sama berbangga kerana PH sudah mengiktiraf wanita berada di tempat tertinggi

dalam tampuk kuasa pentadbiran negara. Beliau bukan sahaja lambang seorang isteri yang setia, malah lambang kecekalan wanita yang mencipta sejarah sebagai wanita pertama menyandang jawatan kedua tertinggi di negara ini. Tidak dilupakan juga sekalung tahniah buat Lim Guan Eng (Menteri Kewangan), Mat Sabu (Menteri Pertahanan), Datuk Seri Shafie Apdal (Ketua Menteri Sabah) serta kembalinya Tan Sri Muhyiddin Yasin sebagai Menteri Dalam Negeri dalam kabinet baharu pasca PRU-14.

Menyentuh tentang UMNO yang menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-72 selepas beberapa hari keputusan pilihan raya diumumkan, menyaksikan Datuk Sri Najib turut mengumumkan peletakan jawatan beliau sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi BN atas kekalahan mengejut BN. Tentunya yang paling merasai kekalahan tersebut ialah UMNO. Persoalannya, adakah UMNO mampu bangkit semula selepas dilanda pelbagai masalah integriti? Adakah penolakan terhadap parti itu bersifat sementara atau disifatkan sukar untuk bangkit lagi? UMNO memerlukan barisan kepimpinan baharu yang lebih segar. Parti itu harus segera bermuhasabah dan memperbetul kembali landasan perjuangannya. UMNO harus meremajakan semula parti tersebut dengan memberikan peluang kepada golongan muda untuk sama-sama mengemudi parti yang kehilangan kuasa selepas enam dekad itu. Wajah-wajah lama perlu diganti dengan yang baharu untuk memastikan kelangsungan parti tersebut berpanjangan. Keadaan ini tidak berenti wajah-wajah lama yang ada tidak mampu mengumpul tanggungjawab yang ada. Jasa mereka terlalu banyak terhadap parti tersebut. Namun, mereka perlu mengorbankan ego dan mengundurkan diri demi memberikan peluang kepada generasi baharu untuk melakukan perubahan. UMNO belum lagi kalah sepenuhnya kerana akar umbinya dikatakan masih lagi kukuh. UMNO perlu menilai semula kesilapan yang dilakukan selama ini. Yang menang, tidak menang kesemuanya, yang tewas pula bukannya terus tersungkur. PH pula perlu benar-benar menunaikan janji yang ditabur kerana tempoh lima tahun tidak begitu lama. Rakyat kini sudah bijak menilai antara jauhari dengan manikam.

PH sudah berjanji bahawa tidak akan mengamalkan politik balas dendam. Jelasnya, PH akan bertindak berlandaskan ketetapan undang-undang negara. Hal tersebut disambut baik oleh penyokong PH dan rakyat. Menyentuh tentang peruntukan terhadap wakil pembangkang (kini BN) di setiap negeri, PH perlu berjaya besar dengan memberikan peruntukan kepada wakil pembangkang untuk manfaat rakyat di kawasan mereka. Adalah tidak adil untuk menyekat bantuan tersebut kerana yang menjadi mangsa ialah rakyat yang mengundi mereka. Elakkan seketika perbezaan fahaman politik kerana negara kita kini sudah menuju ke arah fasa kematangan politik. ADUN pembangkang di negeri yang dimenangi oleh PH perlu menerima peruntukan yang sewajarnya. Diskriminasi tidak sewajarnya berlaku. Jika hal yang sama dilakukan, maka pendekatan yang dilakukan oleh PH tidak banyak bezanya seperti sebelum ini. Mana-mana negeri yang baru dikuasai oleh PH, mereka perlu menjadikan Selangor sebagai contoh yang memberikan ruang buat ADUN pembangkang dan mengiktiraf mereka dengan memberikan ruang, peruntukan dan sebagainya. Biarpun tidak sama jumlahnya seperti yang dinikmati oleh kerajaan yang memerintah, namun sedikit-tidaknya kemudahan tersebut mampu memberikan nafas buat mereka.

Sidang Parlimen kelak bakal menyaksikan pemandangan yang lebih menarik apabila pemimpin pembangkang sebelum ini akan berubah tempat dan berada di kedudukan sebelah kanan Yang Dipertua Dewan Rakyat. Nada ucapan mereka juga akan diperhatikan oleh rakyat. Berbicara tentang kedudukan Ketua Pembangkang Malaysia yang baharu, siapakah yang layak diangkat mengisi jawatan tersebut? Rakyat juga tidak lupa kepada Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Ahli Parlimen Muar yang pernah mengusulkan supaya kerajaan PH, mewujudkan jawatan ketua pembangkang bertaraf menteri. Adakah hal tersebut akan dipertimbangkan kelak? Jawatan tersebut tidak kurang pentingnya kerana di luar negara ketua pembangkang juga antara individu yang dihormati oleh perdana menteri dalam usaha untuk mewujudkan aspek semak dan imbang. PH kini sudah menang di hati rakyat. Walaupun hal tersebut bukanlah janji utama, namun bagi yang memerhati, hal tersebut wajar dilaksanakan. Keadaan ini perlu untuk membuktikan pendekatan dan cara pentadbiran yang dilakukan oleh PH benar-benar berbeza berbanding dengan kerajaan terdahulu.

Dalam hal ini, kerajaan PH turut disarankan supaya memartabatkan bahasa kebangsaan dan meletakkannya di tempat yang paling tinggi. Pejuang bahasa dan rakyat turut menantikan perubahan ini. Jika mahukan perubahan dalam negara ini, aspek kedaulatan bahasa kebangsaan juga tidak boleh diketepikan sama sekali.

Tidak dapat dinafikan aura dan karisma Dr. Mahathir membuatkan cinta rakyat terhadap kerajaan sebelum ini beralih arah dengan mudahnya. Namun begitu, jangan nafikan juga peranan pejuang reformasi selama ini yang tidak pernah berputus asa dalam usaha menuntut dan mewujudkan kerajaan yang lebih adil dan saksama. Jangan lupa, mereka juga harus diangkat oleh rakyat!



abdКАДIR@dbp.gov.my

BIL. 6 2018





**TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
PERDANA MENTERI



**DATUK SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL**  
TIMBALAN PERDANA MENTERI

**BIODATA**

**Umur:** 66 tahun  
**Tarikh Lahir:** 3 Disember 1952.  
**Tempat Lahir:** Hospital Kandang Kerbau, Singapura.  
**Pendidikan Awal:** Sekolah Convent St Nicholas, Alor Setar, meneruskan pengajian ke Kolej Tunku Kurshiah, Seremban seterusnya melanjutkan pengajian tinggi bidang perubatan di Royal College of Surgeons, Dublin, Ireland.  
**Suami:** Datuk Seri Anwar Ibrahim (berkahwin 1979)  
**Anak:** Enam orang (termasuk Nurul Izzah)  
**Kelayakan Perubatan:** Royal College of Surgeons Ireland. Menamatkan pengajian sebagai pakar mata berkelayakan.

**ANUGERAH**

- Pingat emas "MacNoughton-Jones Gold Medal" ketika menuntun di universiti.

**ANGGOTA MAJLIS PENASIHAT KERAJAAN**

- 1 TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ**  
(31/8/1957–22/9/1970)
- 2 TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN**  
(22/9/1970–14/1/1976)
- 3 TUN HUSSEIN ONN**  
(15/1/1976–16/7/1981)
- 4 TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
(16/7/1981–31/10/2003)
- 5 TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI**  
(31/10/2003–3/4/2009)
- 6 DATO' SRI NAJIB TUN ABDUL RAZAK**  
(3/4/2009–9 Mei 2018)
- 7 TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
(11/5/2018–kini)



**TUN DAIM ZAINUDDIN**  
Mantan Menteri Kewangan & Penasihat Ekonomi Kerajaan Malaysia



**TAN SRI ZETI AKHTAR AZIZ**  
Mantan Gabenor Bank Negara



**TAN SRI HASSAN MARICAN**  
Mantan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS



**PROFESOR DR. JOMO KWAME SUNDARAM**  
Pakar Ekonomi



**ROBERT KUOK**  
Ahli Perniagaan

**1999**

- Memimpin Gerakan Keadilan Sosial (ADIL), sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan hak sivil.
- Menubuhkan Parti Keadilan Nasional (keADILan) dan memegang jawatan sebagai presiden sehingga hari ini.
- keADILan memenangi lima kerusi pada PRU-10 dan dipilih sebagai Ahli Parlimen Permatang Pauh.
- Berjaya mengekalkan kerusi pada PRU-11 2004 dalam episod penuh debaran.
- Dr. Wan Azizah pernah berucap dalam satu program yang ditaja oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Beliau merupakan Naib Pengerusi Kaukus Parlimen Malaysia untuk Demokrasi di Myanmar dan Anggota Kaukus Myanmar antara Parlimen ASEAN.

**2003**

- PKR bergabung dengan Parti Rakyat Malaysia yang menyaksikan penubuhan Parti Keadilan Rakyat (PKR) sekaligus dipilih sebagai presiden.

**2008**

- Pada Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12), Dr Wan Azizah memenangi Parlimen Permatang Pauh dengan 13 398 undi.
- Memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang dengan 16 741 undi menewaskan Naib Presiden MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun.
- Rancangan melantik Dr. Wan Azizah sebagai Menteri Besar ditolak oleh PAS. Maka, Datuk Seri Azmin Ali dilantik sebagai Menteri Besar.

**2015**

- Mangambil semula Permatang Pauh pada 7 Mei 2015 untuk PKR dengan jumlah 30 316 undi selepas Anwar dibatalkan kelayakan setelah dijatuhi hukuman penjara lima tahun pada Februari tahun yang sama.

**MENTERI KANAN**

**TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN**

**Umur:** 70 tahun  
**Asal:** Muar, Johor  
**Isteri:** Puan Sri Noorainee Abdul Rahman  
**Anak:** 4 orang  
**Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dan Pengajian Melayu, Universiti Malaya  
**Jawatan:** Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM)  
**Pengalaman:**  
 • Mantan Timbalan Pengerusi BN dan Timbalan Presiden UMNO  
 • Mantan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan  
 • Mantan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani  
 • Mantan Menteri Belia dan Sukan  
 • Mantan Menteri Besar Johor  
 • Ahli Parlimen Pagoh (1978-sekarang)

**LIM GUAN ENG**

**Umur:** 58 tahun  
**Asal:** Batu Pahat, Johor  
**Isteri:** Betty Chew Gek Cheng  
**Anak:** 4 orang  
**Pendidikan:** Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Monash Australia/  
**Pengalaman:**  
 • Akauntan bertauliah sejak 1983  
 • Setiausaha Agung DAP sejak 2004  
 • Ketua Menteri Pulau Pinang (2008-2018)  
 • Mantan Ahli Parlimen Kota Melaka (1986, 1990, 1995)  
 • Ahli Parlimen Bagai (2008-sekarang)

**MOHAMAD SABU**

**Umur:** 64 tahun  
**Asal:** Tasek Gelugor, Pulau Pinang  
**Pendidikan:** Jurusan Pemakanan Institut Teknologi MARA  
**Pengalaman:**  
 • Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH)  
 • Ahli Parlimen Kota Raja  
 • Mantan Timbalan Presiden PAS  
 • Mantan Naib Presiden PAS  
 • Mantan Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat  
 • Mantan Ahli Parlimen Nilam Puri (1990-1995) Kubang Kerian, Kelantan (1995-1999) dan Kuala Kedah (1999-2004).



**MENTERI DALAM NEGERI**



**MENTERI KEWANGAN**



**MENTERI PERTAHANAN**